

## **Satu Kajian Cabaran Guru Di Sekolah Pedalaman Daerah Muar. Johor.**

Mahyuddin Bin Arsat & Maizura Binti Mohd Yunus

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Profesion perguruan merupakan bidang yang memerlukan guru bertugas di mana juga penempatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sama ada di kawasan bandar, luar bandar ataupun di pedalaman. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman di sekolah-sekolah Daerah Muar, Johor. Kajian deskriptif telah digunakan untuk mengenal pasti empat pembolehubah iaitu faktor sikap individu, keselamatan, kemudahan asas pengajaran dan infrastruktur, dan sosiobudaya. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang telah diedarkan kepada para guru yang berlainan sekolah terdiri daripada Sekolah Kebangsaan Ladang Air Manis, Sekolah Kebangsaan Parit Nawi, Sekolah Kebangsaan Parit No.5, Sekolah Kebangsaan Simpang 4, dan Sekolah Kebangsaan Sungai Balang Darat. Nilai Alfa Cronbach daripada kajian rintis yang dijalankan ialah 0.89. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor keselamatan menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman di daerah tersebut. Melalui kajian ini, beberapa tindakan boleh diambil untuk mengatasi cabaran guru di pedalaman seperti menyediakan rumah atau kuarter berhampiran sekolah dan menganjurkan program motivasi untuk melahirkan guru yang cemerlang.

*Katakunci :* cabaran guru, sekolah pedalaman

### **Pengenalan**

Untuk mencapai era Wawasan 2020 terdapat dasar-dasar kerajaan yang bersifat menyeluruh dan menyentuh pelbagai aspek kehidupan masyarakat khususnya bidang ekonomi, politik, sosial, agama, pendidikan dan sebagainya. Dasar ini akan berubah mengikut pandangan kerajaan, keperluan semasa dan perkembangan antarabangsa yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju menurut acuan sendiri. Istilah maju di sini membawa maksud maju dari aspek ekonomi, politik, sosial, rohani, budaya dan pendidikan.

Rasional dasar pendidikan ini wujud kerana sebelum merdeka, orang Melayu menerima pendidikan asas dari sekolah pondok dan sekolah kebangsaan. Masyarakat Cina pula mengasaskan sekolah Cina Persendirian manakala Sekolah Tamil disediakan oleh majikan estet dan Kerajaan Inggeris pula memperkenalkan pendidikan rendah dan menengah Inggeris bagi semua kaum. Oleh yang demikian, kesannya wujud sekolah berbilang bangsa dan mengikut kaum.

Pada 31 Mac 2006, Rancangan Malaysia Kesembilan telah dilancarkan iaitu rancangan lima tahun pertama daripada tiga rancangan lima tahun yang akan memacu Misi Nasional ke arah mencapai Wawasan 2020. Rancangan ini merupakan kesinambungan perancangan Kerajaan membentuk sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, seimbang daripada aspek pembangunan sosial, memiliki warga yang bersatu padu, berbudaya dan berpekeriti mulia, berkemahiran, berfikiran maju dan berpandangan jauh.

Selain kemudahan sedia ada yang dimiliki oleh guru-guru sedia ada seperti Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) dan Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB), YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein yang akan berfungsi untuk

menjaga segala aspek kebajikan dan pembangunan guru seperti bantuan khairat, bencana kecemasan, pendidikan anak-anak dan pembangunan profesionalisme keguruan. (Berita Harian).

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan daripada apa yang dibincangkan dan menjadi persoalan sekarang ialah kebanyakan guru enggan dan ingkar untuk mengajar di kawasan pedalaman mengakibatkan masalah kekurangan tenaga pengajar untuk mengajar di sekolah pedalaman terus berlaku setiap tahun. Ini kerana bilangan guru di kalangan pendidik yang mengajar di kawasan pedalaman yang masih kecil, pemohonan berpindah ke tempat asal oleh guru yang telah berkhidmat selama 3 hingga 5 tahun di pedalaman dan terdapat persaraan di dalam kalangan guru tersebut. Sehubungan itu, dengan mewajibkan penempatan guru-guru baru untuk berkhidmat di pedalaman dijangka boleh mengatasi masalah tersebut.

Dalam kehangatan isu keingkar ramai guru untuk berkhidmat di kawasan pedalaman, masih ada guru yang sanggup berkorban demi memenuhi tanggungjawabnya sebagai pendidik. Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya telah dikejutkan dengan kematian seorang guru Pendidikan Islam yang ditemui mati di Sungai Sagang Kapit, Sarawak pada 11 Mei lalu di Kampung Air Merah (Berita Harian 2007). Situasi ini membuktikan keselamatan guru di kawasan pedalaman masih kurang terjamin kerana kedudukan antara satu tempat dengan satu tempat yang lain sangat jauh dengan situasi kekurangan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan sebagainya. Ini menyukarkan pergerakan guru untuk menyediakan kemudahan asas pengajaran memandangkan keadaan kawasan kedai yang sangat jauh dari pedalaman.

Berdasarkan permasalahan tersebut, didapati terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dan sering dilalui oleh guru yang bertugas di kawasan pedalaman sehingga ianya mempengaruhi keengganan guru lain untuk berkhidmat di kawasan pedalaman. Situasi ini telah mendorong kepada pengkaji untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang menjadi cabaran kepada guru di kawasan pedalaman.

### **Objektif Kajian.**

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru yang mengajar di kawasan pedalaman di sekolah-sekolah Daerah Muar, Johor. Sejauhmana faktor yang disenaraikan di bawah ini merupakan satu cabaran kepada guru terbabit. Bagi tujuan kajian ini beberapa objektif telah ditetapkan iaitu :-

1. Mengetahui faktor sikap individu menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman.
2. Mengetahui faktor keselamatan menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman.
3. Mengetahui faktor kemudahan asas pengajaran dan infrastruktur menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman.
4. Mengetahui faktor sosiobudaya menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman.

### **Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat mengenalpasti masalah dan cabaran sebenar yang dihadapi oleh guru yang berkhidmat di pedalaman. Salah satu faktor ini mungkin menjadi penghalang kepada guru untuk mengajar di kawasan pedalaman.

Dapatan daripada kajian ini juga amat berguna bagi pihak kerajaan untuk membuat pembaharuan dalam usaha menyediakan bakal guru agar lebih bersedia dalam apa jua keadaan terutamanya dari segi ketahanan mental dan emosi.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah suatu kajian penyelidikan yang berbentuk perihal atau deskriptif dengan menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta dengan tepat (Mohd Najib, 1998). Kenyataan ini turut disokong oleh Mokhtar (1999) yang menyatakan penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji bagi menjelaskan sesuatu keadaan atau fenomena yang sedang berlaku.

Teknik penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang mudah iaitu sampel kajian akan diberikan alat untuk memenuhi maklumat dan diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik (Mohd Najib, 2003). Penyelidik berpendapat bahawa penggunaan soal selidik adalah lebih mudah, menjimatkan kos dan juga memudahkan pihak responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Menurut Mohd. Majid Konting (1990) lagi, penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran yang diberikan oleh sampel kerana tidak dipengaruhi oleh penyelidik.

Sebelum soal selidik diedarkan, penyelidik terlebih dahulu menghantar kertas cadangan penyelidikan ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan bagi tujuan untuk mendapat surat kebenaran menjalankan kajian dan surat daripada Jabatan Pelajaran Negeri. Selain dari itu penyelidik juga akan menghubungi pihak pentadbiran sekolah berkenaan untuk mendapatkan kebenaran sebelum mengedarkan soal selidik. Ini bertujuan untuk memudahkan lagi mendapat kerjasama dari guru-guru berkenaan.

Segala rumusan terhadap objektif kajian adalah dibuat berdasarkan respon subjek kajian terhadap semua pernyataan yang terkandung di dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru.

### **Responden Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada 72 orang guru yang mengajar di sekolah-sekolah Daerah Muar, Johor. Jumlah populasi ini merangkumi keseluruhan guru daripada lima buah sekolah yang telah dipilih oleh pegawai di Pejabat Pelajaran Daerah Muar. Perincian jumlah responden yang terlibat dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 : Jumlah Responden Kajian**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Sekolah</b>	<b>Sampel</b>
1.	Sekolah Kebangsaan Ladang Air Manis	6
2.	Sekolah Kebangsaan Parit Nawi	18
3.	Sekolah Kebangsaan Parit No.5	26
4.	Sekolah Kebangsaan Simpang 4	12
5.	Sekolah Kebangsaan Sungai Balang Darat	12
<b>Jumlah</b>		<b>72</b>

## **Instrumen Kajian**

Menurut Aminudin (1993), kajian mengenai sikap berkait dengan tingkah laku dan minat. Untuk mengukurnya peralatan soal selidik amat sesuai digunakan kerana, mudah mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar dengan kos yang sederhana.

Kenyataan ini juga turut disokong oleh Tuckman (1978) yang menyarankan bahawa soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden kerana mereka bebas memilih dan menyarankan pandangan, penilaian mengikut kehendak soal selidik serta tahu apa yang difikirkan untuk menjawab. Menurut Ee, Ah Meng (1989), menjelaskan soal selidik mempunyai kebaikannya iaitu :-

- a) Soal selidik boleh digunakan dalam satu kumpulan yang ramai dan maklumat dari mereka boleh dikutip sekaligus.
- b) Masa dan perbelanjaan dapat dijimatkan.
- c) Soal selidik boleh dicuba terlebih dahulu untuk menentukan sama ada responden dapat menjawabnya dengan mudah ataupun tidak.

Dalam kajian ini, penyelidik membentuk soal selidik berdasarkan kajian lepas seperti yang digunakan oleh Jemien Ental (1993) serta berdasarkan pandangan atau idea pengkaji sendiri yang merangkumi aspek-aspek kajian yang dikaji. Penyelidik menyerahkan satu set soal selidik kepada setiap responden yang perlu menjawab kesemua item yang dikemukakan secara bertulis berdasarkan kepada arahan-arahan yang diberikan. Soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

## **Kajian Rintis**

Sebelum menjalankan kajian sebenar, penyelidik melakukan beberapa kajian ke atas item-item soalan. Langkah pertama adalah kajian dalaman iaitu memberi soal selidik kepada pensyarah UTM Fakulti Pendidikan iaitu Puan. Adibah Binti Abdul Latif dan untuk memerhati dan memperbetulkan item soalan yang tidak jelas. Semua komen dan cadangan yang membabitkan pembetulan item dilakukan sebelum membuat set soal selidik yang sebenar.

Langkah kedua adalah penyelidik membuat kajian rintis di Sekolah Kebangsaan Parit Bulat, Muar dengan menggunakan keseluruhan responden iaitu seramai 11 orang guru. Nilai alpha cronbach's yang diperolehi ialah 0.89.

Tujuan utama kajian rintis ini adalah untuk mengesan dan mengenal pasti sesuatu pernyataan yang tidak sesuai dan juga boleh mengelirukan responden semasa menjawab borang soal selidik. Kamarudin (1990) menyatakan bahawa tujuan untuk menguji soal selidik adalah untuk menentukan:-

- a) Soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat yang boleh memenuhi objektif kajian.
- b) Semua fasa penting kajian telah dirangkumi
- c) Memastikan soalan-soalan membolehkan kerjasama responden
- d) Soal selidik ditadbir secara lancar.
- e) Soalan difahami sepenuhnya oleh responden dan penemuduga.

Kenyataan ini turut disokong oleh Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999) yang menyatakan kajian rintis dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Kajian ini bertujuan memastikan item soal selidik yang dibina adalah bersesuaian dari segi bahasa dan istilah supaya mudah difahami dan diisi oleh responden dalam kajian sebenar dan yang paling penting adalah untuk memastikan kebolehpercayaan dalam soal selidik tersebut.

Manakala menurut Mohd. Majid Konting (1990), kebolehpercayaan akan memberi darjah kekekalan dan ketetapan instrument pengukuran. Instrument yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan memberi kepuasan yang sama dan hampir sama setiap kali ia digunakan di dalam situasi yang setara. Pengkaji menggunakan ujian kebolehpercayaan dalam perisian SPSS Version 11.5 For Windows (*Satistical Package For The Social Science*) untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai Alfa Cronbach daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas 11 orang responden ialah 0.89. Berdasarkan Pekali Alpha Cronbach, nilai yang boleh diterima dalam satu kajian ialah 0.8 – 1.0 seperti yang terdapat dalam Jadual 3.6 (Mohd Najib, 1999).

## Analisis Data

**Jadual 2 : Analisis Min Mengikut Pembolehubah Dikaji**

Pembolehubah	Nilai Min	Tahap
Sikap individu	4.40	Tinggi
Keselamatan	3.44	Sederhana
Kemudahan asas pengajaran dan infrastruktur	3.67	Tinggi
Sosiobudaya	4.05	Tinggi
<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>3.89</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 2 diatas menunjukkan analisis keseluruhan bahagian B yang merangkumi empat aspek utama dalam persoalan kajian. Bagi persoalan kajian pertama iaitu faktor sikap individu mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu sebanyak 4.40 iaitu pada tahap tinggi. Seterusnya diikuti oleh persoalan kajian keempat iaitu faktor sosiobudaya skor min 4.05, kemudian persoalan kajian ketiga iaitu faktor kemudahan asas pengajaran dan infrastruktur dengan nilai skor min 3.67, dan diikuti oleh persoalan kajian kedua iaitu faktor keselamatan dengan nilai skor min 3.44 iaitu pada tahap sederhana. Purata keseluruhan nilai skor min yang diperolehi daripada bahagian B ini adalah sebanyak 3.89 iaitu berada di tahap tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa responden menyatakan bahawa faktor keselamatan menjadi cabaran utama kepada guruguru yang mengajar di kawasan pedalaman. Hal ini berdasarkan kepada item positif soalan kajian yang dinyatakan di mana apabila nilai skor min yang tinggi menunjukkan item tersebut tidak menjadi cabaran kepada guru sebaliknya nilai skor min yang sederhana dan rendah menjadi cabaran kepada guru tersebut.

## Perbincangan

Perbincangan yang dibuat adalah berfokuskan kepada keseluruhan kajian ini dengan berdasarkan kepada latar belakang responden dan persoalan kajian.

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa sikap individu adalah pada tahap yang tinggi. Ini membuktikan bahawa guru-guru tersebut (66 orang responden) bersikap positif dan menerima segala cabaran yang dihadapi dengan terbuka dan rela hati. Ini kerana keperluan memenuhi tuntutan pendidikan dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas adalah lebih penting daripada kehendak peribadi. Hal ini turut disokong oleh Menteri Pelajaran Y.B Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein dalam Perutusan Tahun Baru 2006, iaitu beliau menyatakan bahawa

tugas seorang guru adalah amat berat dan memerlukan seseorang itu memberikan komitmen yang baik dan sanggup bekerja keras dalam melaksanakan tugasnya.

Hasil kajian juga mendapati bahawa segelintir guru tidak gembira dalam melaksanakan tugas mereka di sana. Ini disebabkan oleh guru kurang motivasi dan kurang bersedia untuk berkhidmat di mana jua penempatan mengajar yang ditetapkan oleh kementerian. Guru sebegini sering mengharapkan agar dapat memilih penempatan mengajar yang disukainya. Para guru sewajarnya menghapuskan sikap sedemikian kerana tugas guru adalah untuk berkhidmat kepada bangsa dimana jua khidmat mereka diperlukan. Kenyataan ini turut disokong oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim ( Berita Harian, 26 April 1987) dan diperkuatkan lagi dengan titah Baginda Sultan Kedah (Berita Minggu, 13 Oktober 1991) yang mana bertugas di kawasan yang memerlukan khidmat mereka merupakan satu misi untuk memenuhi tuntutan negara dan guru haruslah mengikis sikap kenegerian atau kedaerahan dalam menjalankan khidmat bakti kepada masyarakat demi memastikan generasi muda di masa hadapan dapat terus hidup dalam suasana harmoni dan bersatu padu.

Secara keseluruhannya, ternyata pandangan responden terhadap aspek ini iaitu sikap individu menunjukkan tahap tinggi. Hal ini bertepatan dengan kajian lepas yang dilakukan oleh Jemien (1993) yang menyatakan bahawa guru-guru bersikap positif untuk berkhidmat di Sarawak. Ini kerana guru-guru merasakan tugas tersebut adalah satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan baik dan bijaksana tanpa dipengaruhi oleh faktor kepentingan diri yang tinggi.

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa faktor keselamatan adalah ditahap sederhana berbanding tiga faktor yang lain. Para guru beranggapan faktor keselamatan merupakan cabaran utama yang dihadapi di kawasan pedalaman. Sekiranya faktor keselamatan ini tidak diambil perhatian maka, fokus guru untuk berkhidmat di kawasan pedalaman akan terganggu. Kenyataan ini turut disokong oleh Abraham Maslow dalam teori Hirarki Keperluan Maslow (1997), yang menyatakan bahawa keperluan keselamatan adalah keperluan untuk dilindungi daripada ancaman bahaya persekitaran. Ia menimbulkan keinginan untuk mempunyai kerja yang terjamin, dilayan dengan adil dan mendapat gaji yang berpatutan. Apabila kehendak ini telah disempurnakan, sumber kepuasan akan tercapai. Jelaslah disini bahawa sekiranya keselamatan guru diutamakan, maka guru akan berkhidmat dengan lebih gigih dan focus dalam melaksanakan tugas mereka.

Selain itu, hasil daripada dapatan kajian yang dilakukan oleh Jemien (1993) terhadap guru pelatih Maktab Perguruan Teknik menunjukkan bahawa aspek keselamatan turut menjadi faktor utama keengganan guru untuk berkhidmat di Sarawak. Ini kerana, penempatan masyarakat di sana sangat jauh dari bandar Kuching dan menggunakan sungai sebagai laluan utama bagi masyarakat di sana.

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa kemudahan asas pengajaran dan infrastruktur adalah pada tahap tinggi. Guru beranggapan faktor ini kurang menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman. Namun masih terdapat sekolah yang tidak mempunyai kelengkapan makmal sains yang baik. Seramai 36 orang daripada 72 orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Kelengkapan makmal sains yang baik sangat diperlukan untuk kemudahan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Sekiranya kelengkapan ini tidak lengkap, proses pengajaran dan pembelajaran akan terganggu dan mengakibatkan pelajar akan ketinggalan beberapa proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan eksperimen.

Selain itu, hasil dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh Jemien (1993) mendapati masih terdapat sekolah yang kekurangan kemudahan asas pengajaran seperti makmal komputer dan makmal sains selain tidak mempunyai kelas yang mencukupi untuk menampung para pelajarnya. Hal ini perlu diatasi oleh kementerian untuk menyediakan kemudahan asas pengajaran dan infrastruktur yang lengkap bagi memudahkan dan memberi keselesaan kepada guru dan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Guru juga dapat memberikan komitmen yang terbaik dan pelajar akan lebih fokus terhadap proses pengajaran dan pembelajaran apabila persekitaran kelas dalam keadaan baik.

Secara keseluruhan hasil dapatan menunjukkan bahawa sosiobudaya adalah pada tahap tinggi. Guru beranggapan faktor ini kurang menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman. Namun situasi ini memberi sedikit cabaran kepada guru memandangkan guru kurang atau tidak dapat menguasai bahasa tempatan yang digunakan oleh masyarakat tersebut. Hal ini sedikit mengganggu proses suai kenal dan kemesraan antara guru dan masyarakat setempat.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor keselamatan menjadi cabaran utama kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman di mana faktor ini berada pada tahap sederhana. Para guru dan pihak kementerian perlulah mencari penyelesaian dan kaedah yang terbaik bagi mengatasi masalah ini memandangkan keselamatan merupakan faktor utama yang merangkumi kesemua aspek keselamatan.

## **Rujukan**

- Awang Had Salleh (1994). " *Ucapan utama ke arah kehidupan asrama yang kondusif. Kertas kerja seminar penyelidikan asrama peringkat kebangsaan*". USM.
- Baird, R.J (1972). *Contemporary Industrial Teaching*. U.S.A ; The Goodheart - Willrox.
- Chapman, E.N (1991). " *How to develop a positive attitude*". London: Kogan Page.
- Ee Ah Meng (1989). " *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*". Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hassan Langgulung (1991). " *Asas Pendidikan Islam*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jemien Ental (1993). *Persepsi Guru Pelatih Ketukangan Maktab Perguruan Teknik Terhadap Penempatan Mengajar Di Sekolah Menengah Vokasional Di Sarawak*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kad Laporan Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kamus Dewan Dan Pustaka (1998). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamarudin Haji Husin (1990). " *Pedagogi 2*". Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Laslie Taib (1997). " *Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Di Sekolah Menengah Kota Tinggi, Johor*". Universiti Teknologi Malaysia.
- Maslow, A.H (1997). " *Motivation & Personality*" (2nd ed.). New York : Harper And Row.
- Mohd Najib Ghaffar (1997). " *Asas Penyelidikan Sains Sosial*". Tiada Penerbit
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). " *Penyelidikan Pendidikan*". Universiti Teknologi Malaysia : Fakulti Pendidikan.
- Rodgers, W.P (1971). " *Introduction To System Safety Engineering*". New York : John Wiley Sons.
- Sharifah Alawiyah Alsagoff (1983). " *Ilmu Pendidikan Pedagogi*". Kuala Lumpur: Heinmann Asia.